

buletin



EDISI
April 2014

6 horizon

Saluran Berita dan Maklumat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

—
**KUIS UNIVERSITI WAKAF
MENJELANG 2015**

—
KUIS DALAM MEDIA

—
**KUIS MILIK KITA BERSAMA
KUPASAN DARI PERSPEKTIF
MARCOM**

—
**MAHASISWA MENYANTUNI
ORANG ASLI**

Sasaran

7,000
pelajar

Penaung

Prof. Madya Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri

Ketua Editor

Dr. Zulkifli Abd Hamid

Editor

Mokhtar Hj Ismail

Wartawan

Raja Nor Ashikin Raja Ramli

Mohd Hanif Mat Noor

Nurhayati Surip

Wartawan Pelatih

Nur Fatimah Zahrah Md Yusof

(UiTM)

Perunding Grafik

Noor Hazian Abdullah

Jurugambar

Mohd Amin Tumirin

Pembaca Prof

Raja Nor Ashikin Raja Ramli

Penerbit : Bahagian Pemasaran dan Komunikasi

TINTA PENGARANG

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakaatuh

Buletin Horizon kembali menemui pembaca mulai April 2014. Objektif utama penerbitan buletin ini ialah untuk berkongsi berita dan maklumat terkini berkaitan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Tumpuannya ialah menyampaikan maklumat kepada warga KUIS sendiri disamping masyarakat sekeliling.

Objektif sampingan buletin Horizon ini pula ialah untuk membuka ruang kepada semua pensyarah dan pegawai KUIS yang berminat memberi sumbangan berbentuk penulisan. Buletin Horizon ini sedang dalam proses didaftarkan dengan Perpustakaan Negara Malaysia agar mempunyai ISSN sebagai rujukan. Semua pihak dijemput memberikan sumbangan penulisan berkaitan bahagian, jabatan, akademi, fakulti atau pusat masing-masing. Setiap penulisan mempunyai merit penerbitan dan layak direkodkan dalam CV penulis.


Fokus penerbitan Buletin Horizon kali ini berkaitan wawasan KUIS menjadi sebuah universiti penuh. Jihad ini memerlukan usaha keras dan penghayatan semua pihak. Status sebagai sebuah universiti penuh pastinya melonjakkan nama KUIS dipersada industri pendidikan negara. "Disinilah lahirnya Dai', Ulama dan Umara" yang menjadi hasrat murni KUIS wajib dijiwai oleh setiap warga kerja serta pelajar. Bagi menghuraikan wawasan ini dengan lebih jelas, laporan bual bicara bersama Y.Bhg. Dato' Abdul Halim bin Tamuri disediakan untuk bacaan semua.

KUIS sebagai sebuah organisasi yang mantap sentiasa bersifat progresif dan bergerak maju ke hadapan dengan pelbagai pengisian ilmu dan amal. Terdapat banyak aktiviti dan program yang disusun bagi menepati sifat tersebut. Laporan berkaitan aktiviti kakitangan dan pelajar KUIS dimuatkan juga dalam buletin Horizon ini sebagai pelengkap berita.

Akhir kata, perkongsian maklumat KUIS amat penting dalam memastikan semua pihak mendapat maklumat tepat dan terkini berkaitan organisasi, pengurusan, pensyarah, warga pentadbiran dan pelajar. Buletin ini diharapkan dapat memainkan peranannya sebagai agen kepada penyebaran maklumat tepat mengenai KUIS.


KUIS Milik Kita Bersama
Ikhlas,

Mokhtar Hj. Ismail
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)



KANDUNGAN CONTENTS

APRIL 2014



وفد من لبنان

Hasrat KUIS : **Melahirkan Dai, Ulama dan Umara'**

KUIS Universiti Wakaf Menjelang 2015

KUIS Targets 7,000 Students

Mahasiswa Menyantuni Orang Asli

Gerak-gempur SPM/STPM /STAM 2014

KUIS Milik Kita Bersama : **Kupasan dari Perspektif MARCOM**

Setinggi Penghargaan & Sekalung Tahniah

Perancangan Masa depan KUIS: **Mendepani Arus Cabaran Pendidikan**

KUIS dalam Media

Seksyen

طوبى مكطط

وفد من لبنان

وفد من لبنان في يوم الأربعاء الموافق 12 فبراير لعام 2014 استقبل رئيس مركز تطوير البحوث بالكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلانجور الدكتور محمد شكري بن عبد الرحمن والأستاذ أحمد إسماعيل محاضر بقسم دراسات اللغة واللغويات والأستاذ يعقوب بن حسن محاضر بقسم دراسات اللغة واللغويات والأستاذ إسماعيل عمر محاضر بكلية الشريعة وفد من كلية الدعوة الإسلامية ببيروت الشيخ الدكتور عبد الناصر جبيري كلية الدعوة الإسلامية ببيروت، والشيخ ماهر مزمر عضو تجمع علماء المسلمين في لبنان، والشيخ محمد خضر رئيس المنتدى الإسلامي للدعوة والحوار . وبعد الاستقبال تناولوا وجبة الغداء . ثم عقدت جلسة بين الطرفين ومن خلالها ألقى الدكتور محمد شكري كلمة ترحيبية، واعتذار مدير الكلية الجامعية الإسلامية الداتوء البرفيسور عبد الحليم تيموري عن حضور الجلسة، وبعدها قام بعرض موجز عن الكلية الجامعية الإسلامية بسلانجور، كما ألقى الشيخ عبد الناصر جبيري كلمته فيها مبينا تفاصيل موجزة عن كلية الدعوة الإسلامية ببيروت، وأهمية بناء علاقة بين الطرفين (الكلية الجامعية وكلية الدعوة) ، وأهمية الثبات والتماسك بين الأمة الإسلامية ولا سيما أنّها تعيش في فتن التي أحدثتها أمريكا . وبعد الجلسة أعرب كلا من الطرفين عن سعادتهما باللقاء التاريخي الذي يجمع بين البلدين المسلمين العظميين



Hasrat KUIS

Oleh : Nur Fatimah Zahrah Md Yusof

Melahirkan DA'I, ULAMA & UMARA'

Berbekalkan visi dan misi yang jelas, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) optimis untuk menaikkan taraf pendidikan umat Islam selari dengan peredaran semasa. Kini, KUIS menyahut cabaran untuk mencapai status universiti penuh menjelang 2016 serta berusaha meningkatkan jumlah pelajar seramai 7000 orang. Pelbagai inisiatif telah dan sedang dijalankan untuk mencapai matlamat ini.

KUIS bermula dengan menawarkan hanya empat (4) program sijil dan diploma pada 1995. Kini, KUIS telah menawarkan 48 program yang merangkumi peringkat asasi, diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD). Prof. Madya Dato' Dr. Ab Halim Tamuri selaku Rektor KUIS memaklumkan "Ini merupakan perkembangan yang sangat positif bagi KUIS dan merupakan titik perubahan ke arah mencapai tahap yang lebih baik pada masa hadapan". ujarnya.

Sistem pendidikan KUIS adalah berteraskan Islam. Kurikulumnya disusun rapi agar bersesuaian dengan hasrat untuk melahirkan DA'I, ULAMA dan UMARA. Pendekatan ini diyakini mampu melahirkan graduan yang berintegriti, mempunyai sifat seorang DA'I yang sentiasa berkongsi ilmu bersama masyarakat secara berhemah, berilmu pengetahuan dan beramal mencontohi ULAMA dan terlatih dengan nilai profesionalisme yang tinggi hingga mampu berperanan sebagai UMARA pada masa depan.

Tanggungjawab seorang pelajar yang menjiwai sifat DA'I, ULAMA dan UMARA tidak terhad kepada menyampaikan ilmu pengetahuan, beramal dan memimpin sahaja tetapi juga mencegah perbuatan yang mungkar bersesuaian dengan mafhum hadith Rasulullah s.a.w seperti berikut:

Dari Abu Sa'id al-Khudri Radhiyallahu anhu, baginda berkata, "Aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, 'Barangsiapa di antara kalian melihat kemungkaran, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya (kekuasaannya); jika ia tidak mampu, maka dengan lidahnya (menasihatinya); dan jika ia tidak mampu juga, maka dengan hatinya (merasa tidak senang dan tidak setuju), dan demikian itu adalah selemah-lemah iman.'" Hadis Riwayat Muslim (No. 49).

Dalam usaha melahirkan pelajar yang menjiwai sifat DA'I, ULAMA dan UMARA, KUIS mendepani cabaran yang besar terutamanya dari sudut menyediakan pensyarah-pensyarah pakar yang berkemampuan tinggi untuk mendidik para pelajar. Pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan untuk membangunkan potensi insan dikalangan pensyarah KUIS.

Disamping itu, keperluan pembangunan fizikal turut diambilkira. Dengan penambahan pelajar baru pada masa



akan datang, KUIS memerlukan beberapa bangunan baharu dan penambahbaikan fasiliti untuk menampung keperluan pelajar dan warga KUIS. Sebagai salah satu penyelesaian kepada keperluan fizikal tersebut, KUIS akan membina dua (2) bangunan akademik baharu menggunakan pembiayaan berkonsepkan wakaf dan menaiktaraf perpustakaan sedia ada ke perpustakaan wakaf. Peluang kepada orang ramai untuk mendapat ganjaran pahala yang berterusan terbuka luas melalui kaedah ini.

Cabaran seterusnya adalah untuk mencipta dan mengekalkan suasana berasaskan Islam ataupun "biah solehah" memandangkan jumlah pelajar yang meningkat pastinya menimbulkan cabaran dan dugaan baru.

Kerjasama semua pihak yang berkepentingan amat diperlukan. Pengurusan KUIS, para pensyarah, pelajar, kakitangan pentadbiran dan juga ibu-bapa diharapkan dapat bersama-sama dalam usaha menjadikan KUIS sebagai tempat lahirnya DA'I, ULAMA dan UMARA.

KUIS UNIVERSITI

oleh : Bahagian Pengurusan Yayasan, Wakaf & Zakat

كفكف MENJELANG 2015

Model universiti wakaf sedang hangat diperkatakan pada masa kini. Di Malaysia terdapat 174 buah institusi wakaf pendidikan meliputi sekolah pondok, madrasah, sekolah agama rakyat (SAR) dan sekolah agama negeri (SAN) yang mana kebanyakannya tertumpu kepada tahap pendidikan di peringkat rendah dan menengah. Masih belum wujud lagi sebuah universiti yang benar-benar berorientasikan wakaf pendidikan.

Di Turki, sebanyak 166 buah universiti dibina dengan menggunakan harta wakaf. Universiti wakaf yang terkenal seperti Universiti Al-Azhar di Mesir dan Universiti Cordova di Andalus Turki, Pondok Pesantren Darunnajah di Indonesia dan Madrasah Al-Juneid di Singapura merupakan contoh universiti wakaf yang diwujudkan untuk membantu dalam memajukan bidang pendidikan.

Pemangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah pernah bertitah mengenai peranan dan kepentingan sistem wakaf dalam membina institusi pengajian tinggi seperti di negara-negara Islam yang lain. Untuk itu baginda telah mewakafkan kawasan seluas 100 ekar untuk tapak kampus Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS).

Di Selangor pula, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah menitahkan agar Kolej Universiti Islam Antarabangsa

Selangor (KUIS) dijadikan sebuah Universiti Wakaf pertama di Selangor atau di Malaysia. Asas penubuhan universiti wakaf boleh diadaptasi daripada model Universiti Al-Azhar atau Universiti di Turki namun penambahbaikan dan penyesuaian dengan sistem pendidikan di Malaysia perlu dibuat dalam usaha merealisasikan hasrat DYMM Sultan Selangor ini.

Usaha ke arah itu sedang giat dijalankan oleh Pengurusan KUIS demi memastikan KUIS mampu menjadi sebuah universiti wakaf menjelang 2015. Dengan adanya KUIS sebagai peneraju pertama universiti berorientasikan wakaf pelbagai penyelidikan dan perancangan sedang dijalankan seperti mengkaji struktur organisasi, punca kuasa, struktur pentadbiran, prasarana dan kemudahan, kos pengajian, kursus-kursus yang ditawarkan, sasaran pelajar dan tenaga akademik dan pentadbiran serta bagaimana mewujudkan sebuah model universiti wakaf contoh di Malaysia.

Semoga usaha yang dijalankan ini mampu merealisasikan kewujudan sebuah universiti wakaf yang terulung di Negeri Selangor khususnya dan Malaysia amnya.



Model perpustakaan digital, kompleks sukan dan bangunan akademik baharu yang akan dibangunkan menggunakan dana wakaf

KUIS Targets 7000 Students

by : Nur Fatimah Zahrah Md Yusof

As a renowned Islamic higher learning institution, International Islamic University College Selangor (KUIS) is aiming high to become a full - fledged university by 2016. Inspired by its tagline, "Di Sini Lahirnya Da'i, Ulama dan Umara'," Prof. Madya Dato' Dr. Ab Halim Tamuri is optimistic to nurture graduates with integrity and honor by first practicing 'amar makruf nahi munkar' as a Da'i and soon have the credibility to be a just Ulama and Umara'.

Ambitious as it is, KUIS is planning to be the first Waqf University in Selangor by providing Education Waqf. Education Waqf is a form of charity for Muslims to dedicate their properties for the development of education in the name of Allah SWT. It is an investment of continuous rewards in the present and the afterlife. The waqf received on the other hand, will be contributed to build new buildings, complexes as well as to upgrade the existing library and residential colleges in KUIS.

Not only that, by 2016, Prof. Madya Dato' Dr. Ab Halim Tamuri hopes that more students will enroll in KUIS to 7000 students. Hence, a lot of initiatives have been done to attract more students locally and internationally to study in KUIS. Besides that, KUIS will ensure the student's comfort to stay and study in KUIS as well as guarantee to provide an effective teaching and learning environment for the students and lecturers.



Ustaz Mushi at Program Kembara Kerjaya Pendidikan Daerah -Daerah Negeri Johor 2014



Puan Aina and Puan Zahanim at Sarawak Career and Training (SCAT) Fair 2014

In order to reach 7000 students in two years time, Department of Marketing and Communication (MARCOM) of KUIS, proposed a program called 'Projek Gerak Gempur STPM, STAM dan SPM 2014,' to promote and collect data of students all around the country. This vast program is participated by every staff and lecturer of KUIS from March 17th until April 18th.

Other than that, MARCOM is running 'KUIS Incentive Scheme' staff, students and the public. All appointed staff, students as well as the public that manage to bring new students to register at KUIS, will have the privilege to claim certain amount of incentive based on the agreed terms and conditions.

With high hopes and tireless effort, Prof. Madya Dato' Dr. Ab Halim Tamuri is positive that all goals can be accomplished within the given time and become a successful Islamic private university.

BERITA MAHASISWA

Oleh : Unit Multimedia Jabatan Dakwah Pengurusan Sumber Insan

Mahasiswa menyantuni Orang Asli

SUNGAI CONGKAK, 16 Feb 2014 – Selepas dua hari satu malam sekumpulan mahasiswa dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) mengadakan program khidmat masyarakat bersama lebih 35 keluarga orang asli di selama 2 hari hari 1 malam.

Program khidmat masyarakat tersebut telah membuka banyak mata ramai pihak terutamanya pihak kerajaan, swasta dan NGO-NGO terhadap isu masyarakat orang asli yang selama ini dipandang sepi. Sebelum itu, masyarakat orang asli yang pada asalnya dikenali masyarakat yang pemalu dan susah untuk ditemu ramah akhirnya dengan berkat usaha gigih sekumpulan mahasiswa itu dapat memecahkan kerisauan masyarakat orang asli tersebut terhadap masyarakat luar terutama mereka yang bergelar pendakwah.

“Ini suatu permulaan yang sangat baik dan kami harap program-program sebegini dapat diteruskan di kampung ini dan masyarakat orang asli yang lain. Tetapi, janganlah hanya kerana hendak mendapat nama semata-mata, dan niatlah untuk membantu kami ini adalah salah satu rukun perjuangan bangsa dan agama kamu,” ujar Tok batin kampung tersebut.

Kita perlu kurangkan bercakap, bermesyuarat, beragenda dan berpolitik tetapi kita harus turun padang dan menyelesaikan masalah dan mencari solusi yang terbaik bagi membantu masyarakat orang asli.

Sejak sekian lama masyarakat orang asli ini adalah tidak beragama dan majoritinya agama bukan Islam. Kalau adapun yang Islam, hanyalah dalam kuantiti dan nisbah yang kecil itupun yang betul-betul berkualiti sangatlah sedikit. Hasil daripada program khidmat masyarakat dua hari ini dan walaupun singkat tetapi isinya yang padat dan berkualiti telah mampu menghasilkan kejayaan yang membanggakan kepada semua tenaga mahasiswa KUIS dan dibantu penaja utama mereka daripada syarikat Beras Nasional Malaysia (BERNAS).



Antara program bersama anak-anak orang asli

Berpuluh keluarga orang Asli di Sungai Congkak ini masih lagi memerlukan pemantauan dan penjagaan rapi dari semua pihak terutamanya pihak Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Islam, Jabatan Masyarakat, Jabatan Kesihatan dan sebagainya untuk memajukan lagi masyarakat orang asli. Satu lagi usaha penting yang harus diteruskan oleh semua pihak adalah dakwah **‘Bil Hal’** sebagaimana yang telah dilakukan oleh mahasiswa-mahasiswa kita terhadap orang asli tersebut.



Pelajar Kejururawatan KUIS memberi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan kepada penduduk kampung

Kanak-kanak dan kaum ibu kesemuanya dalam keadaan gembira dan tenang selepas dapat ditemu ramah dan berkongsi masalah mereka, walaupun ada sebilangan kecil daripada mereka yang masih lagi segan dan sukar untuk didekati akan tetapi Alhamdulillah dengan bantuan daripada beberapa penduduk akhirnya mereka faham dan semakin mesra.

“Walaupun kami tidak mempunyai pendidikan tetapi kami mempunyai hak untuk bersuara dan hak untuk mendapatkan taraf hidup yang sempurna seperti mana yang kalian semua rasai sekarang,” kata Puan Manja, seorang ibu yang hidup dalam serba kedhaifan.

“Saya merasakan semua yang terlibat di dalam program ini harus diberikan pujian dan ucapan tahniah setinggi-tingginya kerana telah berjaya meyakinkan kami pihak penaja, dan setiap orang daripada kumpulan mahasiswa ini telah memainkan peranan yang begitu cemerlang dari setiap aspek dan ini telah menyebabkan masyarakat orang asli yang pada hari ini kalau kita lihat mereka tidak takut lagi dengan masyarakat luar daripada kampung mereka dan mereka semakin bertambah gembira dan seronok dengan pendekatan yang telah dibawa,” kata Ustaz Farouk, wakil daripada BERNAS.

“Insya Allah dengan berkat usaha dan redha Allah, mahasiswa KUIS telah berjaya membawa satu pendekatan yang baru iaitu **dakwah bil hal** dalam menyampaikan dan mendekati masyarakat orang asli yang saya kira ini adalah salah satu jalan dakwah dan pembaharuan yang patut pendakwah laksanakan dan pelajari agar seni kita dalam menyampaikan dakwah lebih bervariasi,” kata Ustaz Ahmad A'toa', pensyarah Jabatan dakwah KUIS dan juga selaku pengarah program berkenaan.



Pelajar KUIS membantu warga OKU



Program gotong-royong



Sebahagian pelajar KUIS yang terlibat dengan program amal dan dakwah kerjasama BERNAS

GERAK GEMPUR SPM

Oleh : Nurhayati Surip

Seramai 320 orang warga kerja KUIS telah terlibat di dalam Projek Khas Gerak Gempur SPM dan STPM/STAM 2014 anjuran Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK).

Matlamat utamanya adalah untuk mempromosi dan mendapatkan pelajar baru bagi memastikan sasaran kemasukan pelajar seramai 6,000 orang bagi sesi I dan II tahun 2014 tercapai.

Penganjuran Projek Khas Gerak Gempur SPM dan STPM/STAM 2014 yang julung kali diadakan ini diharap dapat membantu meningkatkan jumlah senarai pelajar dalam pangkalan data Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK).

Setelah Projek Khas Gerak Gempur SPM dan STPM/STAM 2014 ini tamat pada 18 April 2014, Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK) akan menghantar surat jemputan permohonan mengikuti pengajian di KUIS kepada calon-calon berkenaan.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua warga kerja KUIS yang menjayakan Projek Khas Gerak Gempur SPM dan STPM/STAM 2014.



Sebahagian daripada aktiviti gerak gempur yang dijalankan oleh Staf KUIS di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia

KUIS MILIK KITA BERSAMA

KUPASAN DARI PERSPEKTIF MARCOM

Mokhtar Hj. Ismail
Pengarah MARCOM
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor merupakan sebuah institusi pendidikan Islam yang dinamik. Matlamat utama penubuhannya iaitu memberikan peluang pendidikan kepada semua terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana di Selangor Darul Ehsan dan Malaysia amnya. KUIS mempunyai potensi besar berkembang menjadi institusi ulung dalam arus perdana pendidikan negara.

Sebagai sebuah institusi yang menawarkan perkhidmatan pendidikan tinggi dengan matlamat melahirkan Da'i, Ulama dan Umara, nadi penggerak KUIS ialah insan yang bekerja didalamnya yang terdiri dari para pensyarah dan kakitangan pentadbiran. Program akademik dipelbagai peringkat iaitu asasi, diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah pula merupakan faktor penarik kepada bakal pelajar untuk menyertai KUIS. Semua program akademik ditawarkan kepada masyarakat umum melalui Akademi Islam, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Fakulti Pendidikan, Pusat Asasi dan Pusat Pengajian Siswazah. Pusat Pengajian Teras dan Pusat Pembangunan dan Penyelidikan turut berperanan melengkapkan perkhidmatan yang disediakan oleh KUIS.

Berdasarkan statistik sehingga 30 Mac 2014, KUIS mempunyai seramai 314 orang pensyarah, 243 orang pegawai dan kakitangan sokongan serta 4,598 orang pelajar. Pensyarah yang pakar dalam bidang masing-masing merupakan faktor utama yang mampu mencetus minat lebih ramai pelajar menyambung pengajian di KUIS. Disamping itu, perkhidmatan sokongan yang disediakan oleh pegawai dan kakitangan pentadbiran juga memberi kesan kepada tahap keberkesanan perkhidmatan KUIS keseluruhannya.

Dari perspektif ekonomi, kelestarian sesebuah institusi banyak bergantung kepada kualiti insan yang berada didalamnya dan juga perkhidmatan yang ditawarkan kepada masyarakat. Samada institusi tersebut mampu kekal relevan mendepani cabaran semasa dan masa hadapan dalam masyarakat sangat bergantung kepada keupayaannya membentuk pasukan yang bersatu padu dan bekerjasama menyampaikan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran.

Merujuk kepada situasi semasa ekonomi KUIS, sumber pendapatan paling utama ialah yuran yang diterima dari pelajar. Semakin ramai pelajar, semakin mantap prestasi ekonomi KUIS. Pada 2013, jumlah keseluruhan pendapatan KUIS dalam bentuk yuran pelajar ialah sebanyak RM 28.6 juta. Dalam ertikata lain, program akademik serta perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang ditawarkan oleh akademi, fakulti dan pusat merupakan salah satu penjana utama pendapatan kepada KUIS. Bahagian-bahagian lain turut menyumbang kepada pendapatan KUIS dalam bentuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelajar.

Walau bagaimanapun, majlis konvokesyen KUIS 2014 yang bakal diadakan pada bulan Ogos ini akan menyaksikan seramai lebih kurang 1,200 pelajar menamatkan pengajian masing-masing. Maka, baki pelajar setelah ditolak jumlah yang tamat pengajian ialah seramai 3,398 orang sahaja. Dengan jumlah ini, pendapatan yang diperolehi KUIS pastinya semakin berkurangan. Kesannya ialah kelancaran operasi KUIS bakal terjejas dengan isu-isu berkaitan kewangan.

Sehubungan itu, usaha menambahkan jumlah pelajar secara drastik bagi kemasukan Jun dan November 2014 adalah tepat. KUIS memerlukan sekurang-kurangnya seramai 3,602 orang pelajar baharu bagi pendaftaran Sesi I (Jun 2014) serta Sesi II (November 2014) bagi menjadikan jumlah keseluruhan pelajar KUIS seramai 7,000 orang. Kemampuan untuk menambah lebih ramai pelajar baharu melebihi angka tersebut amatlah dialu-alukan.

Y.Bhg. Dato' Rektor KUIS pernah menyatakan dalam majlis perhimpunan bulanan pada bulan Februari 2014 bahawa "*Hanya satu fakulti berjaya beroperasi pada tahap menguntungkan manakala selebihnya masih berusaha mencapai tahap break-even.*" Berdasarkan ini, setiap warga KUIS perlu memahami bahawa analisis untung rugi tersebut dilakukan dengan mengambil kira semua nisbah perbelanjaan yang melibatkan bahagian akademik serta bahagian pentadbiran serta ditolak dari hasil pendapatan akademi, fakulti dan pusat. Sebagai contoh, nisbah perbelanjaan Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK) juga dijadikan salah satu faktor perbelanjaan yang ditolak daripada

pendapatan setiap akademi, fakulti dan pusat. Begitu juga dengan bahagian-bahagian pentadbiran yang lain.

Sehubungan itu, adalah lebih adil sekiranya usaha promosi dan pemasaran KUIS untuk mendapatkan seramai mungkin pelajar baharu tidak hanya melibatkan pensyarah akademi, fakulti dan pusat sahaja, tetapi perlu turut melibatkan pegawai dan kakitangan pentadbiran, menepati ungkapan "KUIS Milik Kita Bersama". Semua pihak perlu mengambil peranan masing-masing dan melibatkan diri sepenuhnya dalam usaha promosi dan pemasaran KUIS. Penglibatan setiap warga KUIS dalam usaha ini akan memastikan institusi ini kekal relevan dan mempunyai ekonomi yang mapan (established) dan lestari (sustainable).

Sebagai penutup, ungkapan "KUIS Milik Kita Bersama" amat berkait rapat dengan situasi semasa ekonomi institusi ini. KUIS mampu berkembang pesat melalui kerjasama dan komitmen tidak berbelah bagi dari semua warganya dalam setiap perkara termasuk usaha promosi dan pemasaran.

Marilah bersama-sama kita sebagai KUIS berganding bahu menyunting idea, dan tenaga dalam usaha merealisasikan hasrat KUIS mencapai sasaran pengambilan pelajar seramai 3,000 orang agar KUIS mampu bergerak maju seiring dengan institusi lain. Pupuklah sifat kebersamaan demi kelangsungan KUIS.
"Kuis Milik Kita Bersama"



Timbalan Rektor Pengurusan Korporat Pembangunan & Pengantarabangsaan turut bersama mempromosikan KUIS



En. Mohd Dali bin Daud mempromosi KUIS di Hari Bendang Kerian



Setinggi Penghargaan & Sekalung Tahniah

BANDAR SERI PUTRA, 1 April – Pertukaran portfolio untuk jawatan Timbalan Rektor Akademik & Penyelidikan (TRA) dan Timbalan Rektor Pembangunan Mahasiswa & Alumni (TRM) mula berkuatkuasa hari ini. Jawatan TRA yang disandang oleh Dr. Nor 'Adha binti Abd Hamid sebelum ini akan disandang oleh Dr. Mohamad Syukri bin Abdul Rahman manakala untuk jawatan TRM akan disandang oleh Dr. Mokmin bin Basri bagi menggantikan Ustaz Imran bin Kamal Basah.

Seluruh warga KUIS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Nor 'Adha dan Ustaz Imran sepanjang tempoh perkhidmatan yang telah memegang portfolio tersebut sebelum ini atas segala kerjasama erat, komitmen dan juga segala bentuk sokongan dan bantuan yang telah diberikan demi memartabatkan KUIS sebagai pusat kecemerlangan ilmu yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah.



Penyerahan tugas untuk jawatan Timbalan Rektor Akademik & Penyelidikan (TRA) di antara Dr. Nor 'Adha binti Abd Hamid kepada Dr. Mohamad Syukri bin Abdul Rahman disaksikan oleh Dr. Zulkifli Abd Hamid, Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan & Pengantarabangsaan)



KIRI : Dr. Mokmin bin Basri bersebelahan ialah Ustaz Imran bin Kamal Basah.

Sekalung tahniah kepada penyandang jawatan TRA & TRM yang baharu iaitu Dr. Mohamad Syukri bin Abdul Rahman dan Dr. Mokmin bin Basri di atas pelantikan tersebut. Seluruh warga berharap agar segala usaha dan urusan untuk memartabatkan kecemerlangan pendidikan Islam dan meningkatkan prestasi akademik di KUIS akan dapat dilaksanakan dengan penuh kejayaan dan dedikasi.

Seluruh warga KUIS
merakamkan setinggi-tinggi
penghargaan dan ucapan
terima kasih kepada
Dr. Nor 'Adha binti Abd Hamid dan
Ustaz Imran bin Kamal Basah



Disediakan oleh : Bahagian Pemasaran & Komunikasi



Perancangan Masa Depan KUIS : Mendepani Arus Cabaran Pendidikan

Oleh: Mohd Hanif Mat Noor

Perancangan yang teliti dan teratur mampu meningkatkan mutu pengurusan sesebuah organisasi. Matlamat yang jelas serta dipandu oleh sistem pengurusan yang mapan juga penyumbang kepada kejayaan organisasi.

Dengan kewujudan Pelan Strategik KUIS 2014-2018 yang dipengerusikan oleh YBrs. Dr Zulkifli Hj Abd Hamid, pendekatan yang akan digunakan adalah berpandukan kepada pemerkasaan dan peningkatan potensi akademik, modal insan, hala tuju mahasiswa, sistem teknologi maklumat dan sumber kewangan. Pelan strategik ini akan dijadikan petunjuk prestasi utama (Key Performance Indicator) bagi mencapai objektif yang telah dirancang.

Terdapat lima objektif strategik yang dirancang iaitu:

- a) Melaksanakan program akademik terkini teras tauhid melalui pendidik terbaik dibantu peralatan dan prasarana lengkap
- b) Melahirkan potensi insane dan keupayaan organisasi yang berdaya saing merangkumi aspek pengurusan fasiliti
- c) Membangun dan meningkatkan kualiti mahasiswa dari sudut ilmu, kemahiran, perasaan, sikap, nilai, sahsiah melalui program-program formal, informal, dan non-formal

- d) Memperkasa pengurusan kewangan dan membudayakan pembangunan ekonomi berdasarkan objektif untuk membangunkan organisasi
- e) Memperkasa pengususan ICT untuk mencapai sistem penyampaian perkhidmatan dan operasi yang berkesan.

Daripada 5 objektif strategik ini terdapat 40 strategi, 89 petunjuk prestasi utama dan 126 indikator yang perlu dicapai oleh KUIS sepanjang tempoh 5 tahun akan datang.

Menjadi tanggungjawab dan hasrat KUIS bagi memastikan semua aspek pengurusan dan akademik diurus dengan penuh amanah dan dedikasi serta perkongsian pengalaman dan nilai-nilai murni yang amat berharga dalam membentuk imej Institusi Pengajian Tinggi Islam yang dicontohi. Selain itu, peningkatan peranan KUIS sebagai Institusi Pendidikan yang berfungsi untuk memartabatkan Islam sebagai satu cara hidup yang universal serta dapat diteladani oleh sebilangan lapisan masyarakat.



“Pelan strategik ini tidak akan berjaya dihasilkan tanpa kerjasama semua pihak. Melalui penggabungan kepakaran, pemikiran dan curahan tenaga akan membawa kita kepada kejayaan yang akan memanfaatkan semua pihak demi kemaslahatan ummah.”
– Dr Zulkifli Hj Abd Hamid



Sebahagian daripada barisan pegawai KUIS yang turut mencurahkan idea dalam menghasilkan pelan strategik KUIS di Institut Aminuddin Baki

LAWATAN MAHABBAH BERNAS

Oleh: Bahagian Pemasaran & Komunikasi

BANDAR SERI PUTRA, 17 April – Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor berbesar hati menerima lawatan mahabbah dari Padibernas Nasional Berhad (BERNAS). Lawatan yang diketuai oleh YBhg. Tan Sri Dato' Wira Syed Abdul Jabbar bin Datuk Syed Hassan selaku Pengerusi BERNAS bersama pegawai-pegawai BERNAS. Lawatan delegasi disambut mesra oleh YBhg Prof. Madya Dato' Dr. Ab Halim bin Tamuri, YBhg. Dr Zulkifli bin Hj Abd Hamid serta pegawai-pegawai KUIS.

Majlis yang turut dihadiri oleh dekan-dekan fakulti dan pengarah-pengarah pusat serta ketua-ketua bahagian yang terlibat. Sesi ucapan dimulai oleh Rektor KUIS yang mengalu-alukan kedatangan delegasi dan hala tuju KUIS untuk menjadikan KUIS sebagai Universiti Penuh Menjelang 2016 dan Universiti Wakaf 2015. Ucapan balas yang disampaikan oleh Pengerusi BERNAS yang berhasrat untuk menjalin kerjasama dalam program dakwah dan khidmat ummah.

Pada majlis tersebut, YBhg Tan Sri Dato' Wira mewakili BERNAS amat berbesar hati menyumbang zakat pendidikan bernilai RM30,000.00 kepada KUIS untuk diagihkan kepada pelajar-pelajar KUIS yang terdiri daripada anak keluarga petani / pesawah. Majlis diteruskan dengan sesi fotografi dan lawatan sekitar KUIS termasuk Masjid Al-Azhar, dan Sekolah Bina Insan.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada delegasi BERNAS kerana sudi membuat lawatan ke KUIS. Semoga hubungan dua hala ini dapat mengeratkan Ukhuwah dan berkekalan antara KUIS-BERNAS.



Sumbangan zakat pendidikan oleh Pengerusi Bernas Kepada Rektor KUIS



Delegasi BERNAS membuat lawatan di Sekolah Bina Insan diiringi oleh Rektor



Gambar kenangan bersama delegasi BERNAS

KUIS DALAM MEDIA

KUIS jadi universiti penuh 2016




Alor Setar - Rektor King Fahd Islamic University (KUIS) Alor Setar, Abul Hameed bin Husein Al-Hadidi, berkata KUIS akan menandatangani perjanjian dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain untuk membuka satu pusat latihan dan penyelidikan perbankan Islam (KUIS) di bandar Alor Setar pada tahun 2016.

Abul Hameed berkata, KUIS menantikan perjanjian dengan IPTA yang lain untuk membuka satu pusat latihan dan penyelidikan perbankan Islam (KUIS) di bandar Alor Setar pada tahun 2016.

KUIS akan menandatangani perjanjian dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain untuk membuka satu pusat latihan dan penyelidikan perbankan Islam (KUIS) di bandar Alor Setar pada tahun 2016.

KUIS bakal tubuh Pusat Latihan dan Penyelidikan Perbankan Islam Januari 2014

Alor Setar - Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Alor Setar, Abul Hameed bin Husein Al-Hadidi, berkata KUIS akan menandatangani perjanjian dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain untuk membuka satu pusat latihan dan penyelidikan perbankan Islam (KUIS) di bandar Alor Setar pada tahun 2016.



Universiti Islam Selangor (IUS) akan menandatangani perjanjian dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain untuk membuka satu pusat latihan dan penyelidikan perbankan Islam (KUIS) di bandar Alor Setar pada tahun 2016.

KUIS MENUJU KE ARAH UNIVERSITI PENUH 2016

Tawar program pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (Islamiyyat)



Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) siap sedia menawarkan program pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (Islamiyyat) kepada pelajar-pelajar Islam di seluruh dunia.

KUIS akan menawarkan program pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (Islamiyyat) kepada pelajar-pelajar Islam di seluruh dunia.

KUIS akan menawarkan program pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (Islamiyyat) kepada pelajar-pelajar Islam di seluruh dunia.

Karangkraf, Kuis jal...



Alor Setar - Karangkraf Media (Karakraf) menandatangani perjanjian dengan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) berkaitan menawarkan program pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (Islamiyyat) kepada pelajar-pelajar Islam di seluruh dunia.

Karakraf akan menawarkan program pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (Islamiyyat) kepada pelajar-pelajar Islam di seluruh dunia.

18.com KAMPUS LIFE

Peranan kerjaya 'PR' mengikut Islam



Alor Setar - Forum Perhubungan Awam (PA) dan Persekitaran (PR) Islam diadakan di KUIS Alor Setar pada 22 Februari 2014. Forum ini bertujuan untuk meningkatkan peranan kerjaya 'PR' mengikut Islam.

Forum ini dihadiri oleh tokoh-tokoh agama dan profesional. Forum ini bertujuan untuk meningkatkan peranan kerjaya 'PR' mengikut Islam.

Forum ini bertujuan untuk meningkatkan peranan kerjaya 'PR' mengikut Islam. Forum ini dihadiri oleh tokoh-tokoh agama dan profesional.